

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD



Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT PENOLONG REKTOR 10 MAC 2021

BULETIN

Disediakan oleh : *Nor Azelea Mohd Azahar*



PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
CAWANGAN JOHOR



Kampus Pasir Gudang – Cik Nor Azelea Mohd Azahar selaku Pustakawan Kanan telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Penolong Rektor. Kunjungan ini dilaksanakan bagi menerangkan perkhidmatan terbaru iaitu aplikasi *Mobile App* dan *Selective Dissemination of Information (SDI)*. Selain itu, perbincangan mengenai perancangan program-program di bawah Read@UiTM bagi tahun 2021 juga dilaksanakan. Kunjungan ini mengambil masa kira-kira 30 minit.

LIVE@PTDI: PENYINGKIRAN SISA LOGAM BERAT DALAM MELESTARIKAN KEBERSIHAN SUNGAI 22 MAC 2021

Disediakan oleh : *Nor Azelea Mohd Azahar*

Perpustakaan Tun Dr. Ismail Kampus Pasir Gudang telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk “Live@PTDI: Penyingkiran Sisa Logam Berat Dalam Melestarikan Sungai” bersama panel jemputan iaitu Ts Mohammad Bin Abdullah, Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Kimia. Program ini dikendalikan oleh Cik Nor Azelea Mohd Azahar, Pustakawan Kanan selaku moderator.

Perkongsian topik bual bicara ini memberi fokus kepada agen-agen perosak yang boleh didapati dalam sungai di Malaysia. Penekanan juga diberikan oleh panel mengenai kebersihan sungai adalah tanggungjawab semua orang bagi kesejahteraan masa hadapan.

Menjawab soalan yang diutarakan oleh peserta mengenai tahap kebersihan air minuman rakyat Malaysia, Ts Mohammad Bin Abdullah menekankan bahawa air minuman Malaysia adalah selamat untuk diminum dan pihak kontraktor air telah melaksanakan kerja dengan sebaiknya. Walaubagaimanapun, kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersatu padu menjaga sumber air ini daripada tercemar dengan bahan-bahan logam berat, sampah sarap, minyak dan lain-lain. Program bicara pakar ini melibatkan peserta daripada warga UiTM dan orang awam.